

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**  
**[ TUMPAT ]**

**TARIKH** : **11 JUN 2014**

**SOALAN** : **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta YB**  
**MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah  
tindakan Kerajaan untuk memastikan peranan OIC  
yang lebih berkesan dalam menangani berbagai isu  
yang dihadapi oleh negara anggota.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat **Tumpat** berkenaan tindakan Malaysia untuk memastikan peranan OIC yang lebih berkesan dalam menangani berbagai isu yang dihadapi oleh negara anggotanya.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli Dewan, sejak penubuhan OIC, Malaysia sentiasa aktif dalam pelbagai mesyuarat anjuran OIC, termasuk menggesa pertubuhan tersebut dan negara-negara OIC yang lain supaya menghulurkan sokongan dan bantuan yang padu secara berterusan kepada negara-negara OIC yang berdepan dengan pelbagai masalah dan konflik.

3. Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar dan pendekatan kesederhanaan dalam mencari penyelesaian kepada sebarang perbezaan menerusi dialog secara aman, akan terus mengemukakan cadangan dan inisiatif kepada OIC di dalam usaha untuk membantu pertubuhan tersebut melaksanakan peranannya dengan lebih berkesan untuk kesejahteraan dan keamanan Ummah sejagat.

4. Melalui OIC juga, Malaysia telah menyediakan beberapa platform kerjasama yang strategik untuk negara-negara OIC dan rakan-rakannya. Sebagai contoh, penganjuran Forum Ekonomi Islam Sedunia yang merupakan inisiatif Malaysia di bawah kerangka OIC, secara jelas telah membantu pertubuhan tersebut dan negara-negara anggotanya mempertingkatkan kerjasama ekonomi dan pembangunan di kalangan negara-negara OIC.

6. Malaysia sedar bahawa OIC mempunyai tanggungjawab yang penting di dalam membantu bagi memastikan negara-negara Islam dan rakyatnya dapat hidup dengan aman, sejahtera dan makmur. Justeru, Malaysia akan mempertingkatkan lagi kerjasama dengan pertubuhan tersebut dan negara-negara anggotanya untuk mencari kata sepakat

dan bersepadu, serta, memainkan peranan yang lebih konstruktif dalam inisiatif-inisiatif negara dan OIC yang akan memanfaatkan Umat Islam.

Sekian, terima kasih.